

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) keberkesanan ESSCOM dalam memberi jaminan kepada penduduk di Sabah dan juga rakyat Malaysia yang bekerja di Sabah; dan
- (b) langkah Kerajaan untuk menangani masalah pencerobohan dan ancaman penculikan yang kerap berlaku di Sabah serta keyakinan Kerajaan untuk menyelamatkan warganegara Malaysia sendiri yang menjadi mangsa penculikan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah pengukuhan dan memperketatkan kawalan keselamatan khususnya di pusat peranginan, sangkar ikan dan laluan-laluan berisiko telah memaksa *kidnap for ransom group* (KFRG) menukar *modus operandi* dengan menyerang bot-bot tunda yang belayar di kawasan sempadan perairan antarabangsa kerana sukar menembusi kawalan keselamatan di ESSZONE. Aturgerak trup telah dipertingkatkan termasuk keupayaan pengawasan. Peningkatan ini juga telah meningkatkan *visual presence and deterrence*.

Hasilnya, ESSCOM telah berjaya mematahkan sebanyak sembilan (9) cubaan menculik (enam (6) cubaan pada tahun 2014 dan tiga (3) pada tahun 2015) di perairan ESSZONE. Manakala dari Januari – Mei 2016, sebanyak enam (6) cubaan culik lagi telah dipatahkan.

Acara Pesta Lepa-Lepa yang diadakan baru-baru ini di Semporna turut mendapat sambutan dan penglibatan daripada anggota masyarakat dan juga pelancong luar negara kerana terdapat jaminan kawalan anggota keselamatan.

Bagi menangani masalah pencerobohan dan ancaman penculikan, beberapa tindakan sedang disusuli oleh Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Filipina dalam menangani isu penculikan di ESSZONE seperti berikut;

- i. Rondaan bersama secara terkoordinasi;
- ii. Memberi perlindungan keselamatan pelayaran terhadap vesel-vesel yang melalui Perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi yang berisiko serta mengambil tindakan sekiranya vesel-vesel ini diancam;
- iii. Mewujudkan *national focal point* antara ketiga-tiga negara bagi memudahkan perkongsian maklumat dan risikan sekiranya berlaku sesuatu insiden atau

- kecemasan terhadap vesel-vesel di Perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi;
dan
- iv. Mewujudkan sebuah talian *hotline* antara ketiga-tiga negara untuk penyelarasan tindakan sekiranya sesuatu insiden atau kecemasan berlaku.

ESSCOM turut mengambil tindakan pro-aktif seperti berikut:

- i. Perkongsian maklumat dan risikan antara agensi dan juga dengan agensi perisikan Filipina.
- ii. Melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut (OP BERSEPADU, OP GASAK, OP GASAK LAUT dan OP KHAS) sebagai usaha pencegahan dan sebagai *show of force*;
- iii. Melancarkan operasi-operasi khas memburu sarang-sarang penjenayah/tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa;
- iv. Memberi perlindungan keselamatan pelayaran vesel-vesel yang melalui perairan ESSZONE dengan tindakan-tindakan berikut:
 - a) *Routing advice* bagi menghindari laluan-laluan berisiko tinggi;
 - b) *Notice to mariners* dan menghebahkan *navtext* oleh Jabatan Laut Malaysia bagi menasihatkan vesel-vesel mengambil langkah berjaga-jaga apabila melalui perairan yang berisiko tinggi;
 - c) Membayangi (*shadows*) dan mengiringi vesel-vesel selaras ancaman semasa; dan
 - d) *Engagement* dengan persatuan perkapalan, agen perkapalan dan nakhoda dalam memastikan tindakan *shipboard preventive measures* dilaksanakan dengan serius.

Sekian. Terima kasih.